



## Maqasid al-Syariah Sebagai Kerangka Etika Bagi Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Belia

*Maqasid al-Syariah as An Ethical Framework for Social Media Use Among Youth*

<sup>1</sup>Ain Syazwani Mohd Kamarulzaman, <sup>1</sup>Nur Alia Batrisyia Rosdi,  
<sup>1</sup>Nur Izzah Mohamad Fadli & <sup>1</sup>Puteri Nuraniqah Irdina Osmara

<sup>1</sup>Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [aliabtrsy@gmail.com](mailto:aliabtrsy@gmail.com)

### Article history:

Submission date: 12 Dec 2024

Received in revised form: 15 March 2025

Acceptance date: 27 April 2025

Available online: 13 July 2025

### Keywords:

Maqasid al-Syariah; Etika; Media Sosial; Belia

### Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

### Cite as:

Rosdi, N. A. B., Mohd Kamarulzaman, A. S., Osmara, P. N. I., & Mohamad Fadli, N. I. (2025). Maqasid al-Syariah Sebagai Kerangka Etika Bagi Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Belia: Maqasid al-Syariah as an Ethical Framework for Social Media Use Among Youth. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 6(1).

<https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v6i1.380>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [Intelligentia Resources](mailto:IntelligentiaResources@intelligentiaresources.com).

### SDG Elements:

Quality Education, Sustainable cities and communities



### ABSTRACT

This study comprehensively examines how Maqasid al-Syariah can serve as a systematic and holistic ethical framework for social media use among youth. In an increasingly digitalised era, social media has not only become the primary communication medium for young people but also shapes their ways of thinking, interacting, and making decisions. However, this technological development is accompanied by various issues such as cyberbullying, the spread of false information, slander, digital addiction, and the rise of unethical behaviours that negatively impact the social and moral well-being of youth. These challenges underline the need for an ethical approach that can address emerging digital issues in a holistic manner while remaining grounded in Islamic values. This study employs a qualitative approach based on document analysis. The analysis aims to identify fundamental principles that can be integrated to form a comprehensive ethical framework for social media conduct. Central to this study are the five higher objectives of Maqasid al-Syariah, namely the protection of religion (*hifz al-din*), life (*hifz al-nafs*), intellect (*hifz al-'aql*), lineage (*hifz al-nasl*), and property (*hifz al-mal*), all of which hold significant potential as foundational elements for guiding ethical digital behaviour among youth. Overall, the study emphasises that the application of Maqasid al-Syariah in digital ethics is not only relevant but essential in cultivating a safer, more responsible, and Syariah aligned digital culture.



## ABSTRAK

Kajian ini meneliti secara komprehensif bagaimana Maqasid al-Syariah dapat dijadikan kerangka etika yang sistematis dan holistik bagi penggunaan media sosial dalam kalangan belia. Dalam era digital yang semakin pesat, media sosial bukan sahaja menjadi medium komunikasi utama belia, malah turut membentuk cara mereka berfikir, berinteraksi dan membuat keputusan. Namun begitu, perkembangan ini turut disertai dengan pelbagai isu seperti buli siber, penyebaran maklumat palsu, fitnah, ketagihan digital serta kecenderungan kepada tingkah laku tidak beradab yang memberi kesan negatif terhadap kesejahteraan sosial dan moral golongan muda. Keadaan ini menuntut satu pendekatan etika yang mampu menangani cabaran baharu ini secara menyeluruh dan berlandaskan nilai Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen. Analisis ini bertujuan mengenal pasti prinsip-prinsip asas Maqasid al-Syariah yang boleh digabungkan bagi membentuk kerangka etika media sosial yang bersifat menyeluruh. Kajian ini juga berteraskan lima objektif utama Maqasid al-Syariah iaitu menjaga agama (*hifz al-din*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga akal (*hifz al-'aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasl*), dan menjaga harta (*hifz al-mal*) mempunyai potensi besar untuk dijadikan asas dalam membimbing tingkah laku belia. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penerapan Maqasid al-Syariah dalam etika media sosial bukan sahaja relevan, bahkan penting dalam membantu membentuk budaya digital yang lebih selamat, bertanggungjawab dan selari dengan syariah.

## Pendahuluan

Dalam melangkah arus pemodenan, teknologi seperti media sosial bukanlah sesuatu yang asing bagi setiap masyarakat di seluruh dunia. Media sosial merupakan medium utama interaksi masyarakat dalam urusan harian. Justeru itu, perkembangan pesat teknologi dan internet tanpa sempadan ini telah mendorong peningkatan penggunaannya dari tahun ke tahun (Mohd Hamizi et al., 2023). Selain itu, menurut Noor Zainan *et al.* (2021) media sosial bukan sekadar menjadi sumber maklumat, hiburan, dan pengetahuan, tetapi turut membentuk pelbagai aspek tingkah laku sosial, budaya serta perkembangan personaliti individu, sama ada ke arah positif atau negatif. Oleh itu, pengaruh negatif media sosial secara tidak langsung dapat mempengaruhi perilaku masyarakat. Sehubungan itu, antara bentuk kesalahan yang sering berlaku di media sosial termasuklah tindakan menghasut kebencian terhadap kerajaan, penyebaran maklumat palsu yang boleh menjejaskan keselamatan negara, penghinaan terhadap agama, penghasutan sentimen perkauman, serta penyebaran ajaran sesat atau ideologi bertentangan dengan dasar negara seperti komunisme (Noor Zainan, et al., 2021; Rosidi et al., 2022).

Selain itu, terdapat juga kes penipuan melalui laman web perbankan dan pelaburan palsu, pelanggaran hak cipta melalui perkongsian bahan imej, audio atau video tanpa kebenaran, fitnah yang menjatuhkan maruah individu, serta penyebaran kandungan lucah yang tidak bermoral. Kandungan blog seperti pandangan penulis dan komen pembaca turut boleh membawa kepada kesalahan seperti fitnah sekiranya mengandungi maklumat tidak tepat dianggap sebagai bentuk penyalahgunaan media sosial (Mohd Noor et al., 2024). Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk meneliti bagaimana prinsip Maqasid al-Syariah boleh dijadikan asas dalam membentuk etika penggunaan media sosial yang sesuai. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk membangunkan kerangka etika dan memberikan cadangan yang praktikal bagi penggunaan media sosial.



## Sorotan Literatur

### *Konsep Maqasid al-Syariah*

Secara bahasa, *maqasid* ialah jamak bagi *maqsad* atau *maqsid*, yang berasal daripada perkataan Arab *qasada*, bermaksud menuju ke suatu arah. *Syariat* pula pada asalnya merujuk kepada tempat mata air yang menjadi sumber minuman, dan dalam konteks agama ia bermaksud ajaran serta peraturan yang Allah tetapkan sebagai panduan hidup yang jelas dan benar (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Menurut Ibn 'Asyur (1998), dari sudut istilah, Maqasid al-Syariah merujuk kepada makna serta hikmah yang menjadi perhatian Syarak dalam keseluruhan, atau sekurang-kurangnya dalam sebahagian besar, konteks pensyariaan, tanpa terikat kepada mana-mana hukum tertentu secara khusus.

Menurut Imam al-Syatibi (2004), hikmah pensyariaan hukum-hukum Islam adalah untuk mencapai Maqasid al-Syariah yang ditetapkan bagi seluruh umat manusia, iaitu memelihara kemaslahatan (*maslahah*) serta mencegah segala bentuk kemudaratan (*mafsadah*), sama ada berkaitan kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Imam al-Ghazali membahagikan *maqasid* kepada tiga peringkat iaitu *Ad-Daruriyyat*, *Al-Hajiyyat* dan *At-Tahsiniyyat*. *Daruriyyat* ialah *maqasid* yang wajib dipelihara untuk memastikan kemaslahatan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Jika aspek *daruriyyat* ini diabaikan, kehidupan manusia akan menjadi tidak seimbang dan boleh membawa kepada kerosakan (al-Ghazali, 1997). Selain itu, *hajiyyat* ialah *maslahah* yang diperlukan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan dalam menjalankan tugas dalam kehidupan, dan pada masa yang sama menghindarkan kesusahan serta kesukaran (JAKIM, 2021). Di samping itu, *tahsiniyyat* adalah kemaslahatan yang tidak termasuk dalam kategori *daruriyyat* mahupun *hajiyyat*, akan tetapi ia adalah perkara yang membawa kepada penyempurnaan hidup, akhlak dan adab justeru menjadikan kehidupan lebih indah dan teratur (Rosidi et al., 2022).

Seterusnya, Maqasid al-Syariah juga memelihara lima perkara utama (*Al-Daruriyyat al-khams*) iaitu menjaga agama (*hifz al-din*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga akal (*hifz al-'aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasl*) dan menjaga harta (*hifz al-mal*) (NorizanNizan et al., 2025; Mohd Asnan et al., 2025). Yang pertama adalah pemeliharaan agama (*hifz al-din*). Pemeliharaan agama bermaksud mengelakkan segala sesuatu yang memudaratkan kepada agama dan keimanan termasuklah dengan mempertahankan kedudukan agama Islam sebagai Agama Persekutuan dan agama selain agama Islam boleh diamalkan secara aman (JAKIM, 2021; Rosidi et al., 2022). Selain itu, pemeliharaan agama juga memastikan umat Islam sentiasa berpegang kepada akidah yang benar dan melaksanakan kewajipan ibadah justeru taat dan patuh kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Perkara ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam Surah Adz-Dzaariyaat ayat 56: "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada-Ku". Contohnya, umat Islam perlulah mengikut semua perintah Allah dan meninggalkan semua larangan-Nya seperti menunaikan solat, zakat dan ibadah berpuasa bagi menguatkan lagi keimanan dalam diri.

Yang kedua ialah pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*). Pemeliharaan nyawa bermaksud menjaga keselamatan nyawa manusia daripada kemusnahan mahupun kemudaratan (Rosidi, 2024; Adam et al., 2025; Megat Danuwa et al., 2025). Perkara ini juga melibatkan penjagaan kesihatan, mengelakkan diri dari pembunuhan dan perbuatan yang zalim. Sebagai contoh, mengamalkan pemakanan daripada sumber yang halal bagi kelangsungan hidup serta menetap di tempat yang diyakini keselamatannya seperti rumah untuk berteduh (IKIM, 2017). Selain itu, pemerintah yang baik juga bertanggungjawab ke atas rakyatnya dengan memberi peluang



pekerjaan justeru dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini serta mengurangkan jumlah berlakunya jenayah yang akan memberi ancaman kepada keamanan dan kestabilan negara (JAKIM, 2021). Di samping itu, Islam mengharamkan pembunuhan dan pertumpahan darah tanpa hak dan juga atas sebab yang tidak munasabah sama ada membunuh diri sendiri ataupun orang lain. Tambahan pula, setiap insan yang bernyawa tidak boleh dizalimi tanpa sebab yang dibenarkan oleh *syariat* (JAKIM, 2021; IKIM, 2018; Rosidi et al., 2025).

Perkara yang seterusnya ialah pemeliharaan akal (*hifz al- 'aql*). Pemeliharaan akal ialah memberi perlindungan kepada akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkannya (Muhamad Hanizad et al., 2025; Rosli et al., 2025). Sebagai umat Islam, kita perlulah menjaga akal kerana akal adalah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia (JAKIM, 2021). Justeru itu, umat Islam juga digalakkan menggunakan akal serta berfikir secara bijak untuk mencapai ilmu dan menjauhi perkara yang boleh merosakkan akal (Mohd Azam et al., 2025). Sebagai contoh, memberi didikan yang baik kepada anak-anak sejak kecil supaya mereka menjadi seorang dewasa yang mempunyai mental yang sihat dan otak yang cerdas (IKIM, 2017).

Di samping itu, prinsip utama Maqasid al-Syariah yang keempat ialah menjaga keturunan (*hifz al-nasl*). Menjaga keturunan melibatkan perlindungan, pemeliharaan keturunan dan maruah manusia daripada berlaku sebarang kerosakan moral mahupun sosial. Perkara ini adalah penting bagi membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berkesan (JAKIM, 2021). Selain itu, Islam mementingkan adanya zuriat keturunan yang sah iaitu dari sebuah akad perkahwinan antara lelaki dan perempuan (Mohd Azamuddin et al., 2025; Maruan et al., 2025). Islam juga melarang perbuatan zina dan jalan yang membawa kepada perbuatan tersebut seperti pergaulan bebas antara berlainan jantina (Rasool et al., 2020). Menurut JAKIM (2021) dan Rosidi et al. (2022), keturunan mestilah dijaga dengan sebaiknya bagi mengelakkan daripada berlakunya kerosakan nasab yang akan membawa kepada pelanggaran syariah seperti zina, liwat, lesbian, gay, biseksual dan sebagainya.

Akhir sekali, pemeliharaan harta (*hifz al-mal*). Memelihara harta bermakna melindungi kekayaan masyarakat daripada kehancuran dan peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah (Rosidi et al., 2022). Selain itu, pemeliharaan harta membawa maksud menjaga harta daripada berlaku kes kecurian, penyelewengan, atau penggunaan dengan cara yang tidak halal (Zailani et al., 2022). Hal ini adalah supaya umat Islam mencari rezeki dari sumber yang halal, menguruskan wang secara berhemat dan menggunakan harta sendiri untuk manfaat diri, keluarga, dan masyarakat. Justeru itu, pemerintah yang bertanggungjawab perlulah memelihara dan mengharamkan segala bentuk kemudaratan kepada negara seperti rasuah, penipuan, cetak rompak dan perkara yang membawa kepada pembaziran serta kerugian (IKIM, 2018). Misalnya, mewujudkan kestabilan ekonomi masyarakat seperti pelaksanaan zakat dan wakaf serta peluang pekerjaan yang lebih besar bagi membantu golongan yang memerlukan. Hal yang demikian supaya golongan tersebut juga mendapat manfaat dan hasil kekayaan secara adil dan sama rata seperti golongan yang lain. Oleh itu, jelaslah bahawa memelihara harta dapat membentuk masyarakat yang bertanggungjawab, mempunyai nilai kejujuran yang tinggi, bersikap amanah, dan berlaku adil dalam apa jua urusan.

### ***Etika Penggunaan Media Sosial***

Etika dalam penggunaan media sosial merujuk kepada prinsip dan garis panduan tingkah laku yang membolehkan seseorang menggunakan platform digital dengan bertanggungjawab, beradab dan tidak memudaratkan diri atau orang lain. Dengan perkembangan teknologi yang begitu cepat, media sosial bukan lagi sekadar ruang komunikasi, tetapi sebuah ekosistem sosial



yang membentuk cara manusia berfikir, berinteraksi dan membuat keputusan. Oleh itu, perbincangan tentang etika menjadi semakin mendesak.

Dalam perspektif barat, perbincangan etika digital banyak memberi perhatian kepada aspek seperti privasi, keselamatan data, ketelusan maklumat, tanggungjawab pengguna, dan pencegahan penyebaran maklumat palsu. Livingstone (2014) menjelaskan bahawa keupayaan memahami kandungan media ialah salah satu bentuk etika paling asas. Pengguna bukan hanya perlu tahu menggunakan platform, tetapi juga memahami akibat tindakan mereka, termasuk kesan psikologi, sosial dan undang-undang. Begitu juga Floridi & Taddeo (2016) yang menekankan keperluan nilai moral "*digital virtue*" dalam mengekang tingkah laku berbahaya seperti buli siber, manipulasi kandungan dan eksploitasi data.

Dalam perspektif Islam pula, etika bukan terhad kepada urusan sosial, tetapi merangkumi hubungan manusia dengan Tuhan dan masyarakat. Oleh itu, etika Islam menambah dimensi akhlak seperti kejujuran, amanah, adab dalam menyampaikan maklumat, menjaga maruah orang lain, mengelakkan fitnah dan gosip, serta mengawal emosi ketika berkomunikasi (Mardi et. al., 2024). Kajian dalam konteks Malaysia menunjukkan bahawa etika media sosial dalam perspektif Islam sering menekankan nilai-nilai akhlak ini sebagai panduan asas.

Namun, apabila meneliti kajian yang sedia ada, terdapat satu kekurangan yang ketara. Walaupun banyak kajian telah membincangkan etika dari sudut barat atau Islam, kebanyakannya tidak mengaitkan etika media sosial dengan kerangka Maqasid al-Syariah secara sistematik. Sebagai contoh, kajian oleh Shamsuddin (2024) hanya memberi garis panduan kepada pengengaruh media sosial, tetapi tidak menyediakan kerangka menyeluruh untuk masyarakat umum, terutamanya golongan belia.

### ***Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Belia di Malaysia***

Media sosial telah menjadi ruang utama interaksi belia di Malaysia. Sebahagian besar belia menggunakan media sosial setiap hari untuk berkomunikasi, mendapatkan hiburan dan mengikuti trend semasa. Walaupun penggunaannya membawa banyak manfaat, kajian menunjukkan bahawa kesan negatif semakin ketara dan memberi implikasi yang serius terhadap perkembangan nilai, emosi dan kesejahteraan mereka. Kajian oleh Ma'hat dan Yusoff (2024) misalnya menunjukkan bahawa kadar penggunaan media sosial yang tinggi dalam kalangan remaja di Malaysia berkait secara langsung dengan peningkatan tekanan emosi dan gangguan tumpuan dalam pembelajaran. Hasil kajian ini juga didukung oleh dapatan Harian Metro (2025) yang mendapati bahawa media sosial sering menjadi punca gangguan kesihatan mental seperti keresahan, kemurungan dan rasa rendah diri apabila sering membandingkan diri dengan orang lain.

Salah satu isu yang paling banyak dibincangkan ialah penyebaran maklumat palsu dan kecenderungan belia mempercayai serta menyebarkannya tanpa proses verifikasi. Mereka mudah dipengaruhi oleh apa yang dilihat dan didengar di media sosial, terutama kandungan yang bersifat agresif atau tidak sesuai dengan usia mereka (Ismail, 2025). Dalam konteks belia muslim, perkara ini lebih membimbangkan kerana maklumat tidak sahih berkaitan agama mudah tersebar dalam bentuk nasihat, hadis palsu dan panduan ibadah yang tidak tepat.

Selain penyebaran maklumat palsu, masalah ketagihan media sosial juga semakin meningkat. Ketagihan ini dikaitkan dengan kesan negatif terhadap kesihatan mental, termasuk gangguan kebimbangan, kemurungan, gangguan tidur, serta kesukaran mengawal dorongan dan mengekalkan tumpuan (Keles et al., 2020). Elemen FOMO (*fear of missing out*) menjadikan remaja semakin sukar menetapkan sempadan sihat antara kehidupan digital dan kehidupan sebenar.



Kajian oleh Ma'hat dan Yusoff (2024) menunjukkan bahawa penggunaan media sosial secara berlebihan boleh menyebabkan pelajar kurang fokus semasa pembelajaran dan menyebabkan kemerosotan dalam prestasi akademik.

Aspek akhlak dan sendiri turut terjejas. Remaja kini lebih berani memuat naik kandungan yang tidak sesuai, seperti bahasa kasar, jenaka berunsur seksual dan tingkah laku yang melanggar norma, kerana ingin mendapatkan perhatian dan pengikut. Menurut Wei (2023), ramai individu berani menyuarakan pendapat mereka dengan menggunakan kata-kata yang bersifat negatif tanpa mengambil kira sensitiviti agama dan bangsa dalam konteks Malaysia. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan pembinaan sahsiah, malah memberi kesan jangka panjang kepada imej dan reputasi mereka. Dalam beberapa kes, belia turut terlibat dalam perbuatan buli siber, penghinaan dan "cancel culture", sebagaimana direkodkan dalam kajian Mokhlis (2019) yang mendapati bahawa kejadian buli siber yang biasa dialami oleh belia seperti penyamaran identiti, mesej yang mengancam, ancaman berterusan dan kandungan lucah dalam media sosial.

Dari sudut identiti dan pegangan agama, media sosial turut memberi tekanan ke arah budaya ketagihan hiburan, kebendaan dan gaya hidup yang tidak selaras dengan nilai Islam. Kajian oleh Azzahra (2024) menunjukkan bahawa belia semakin cenderung meniru gaya selebriti dan pengengaruh tanpa menilai kesesuaian dengan identiti muslim. Hal ini menjadikan proses pembentukan akhlak dan prinsip hidup mereka lebih rapuh. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh menghakis nilai kesopanan, adab dan tanggungjawab yang sepatutnya menjadi asas kehidupan seorang muslim.

Melihat kepada pelbagai kesan negatif ini, perlunya rangka etika yang lebih kukuh untuk membimbing penggunaan media sosial dalam kalangan belia. Walaupun banyak kajian telah mengupas tentang bahaya media sosial, kebanyakannya hanya menumpukan kepada aspek psikologi, komunikasi dan disiplin teknologi. Sangat sedikit kajian yang menghubungkan isu ini secara langsung dengan prinsip Maqasid al-Syariah. Tambahan pula, sehingga kini belum terdapat kerangka etika media sosial yang dibangunkan secara jelas berasaskan Maqasid al-Syariah untuk diaplikasikan khusus kepada belia. Oleh itu, terdapat keperluan yang mendesak untuk membangunkan satu kerangka etika media sosial berorientasikan Maqasid al-Syariah bagi memastikan penggunaan media sosial bukan sahaja selamat, tetapi juga selaras dengan tujuan syariah dan pembentukan sahsiah muslim yang seimbang.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti secara mendalam bagaimana prinsip Maqasid al-Syariah dapat dijadikan asas kepada etika penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan belia. Kaedah utama yang digunakan ialah analisis dokumen dan kajian literatur. Melalui analisis dokumen, kajian meneliti secara sistematik pelbagai sumber primer dan sekunder seperti al-Quran, hadis, kaedah-kaedah fiqh, garis panduan etika media sosial yang dikeluarkan oleh institusi Islam, serta dokumen polisi yang menekankan aspek keselamatan, privasi dan tingkah laku pengguna media sosial. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti bagaimana prinsip-prinsip asas seperti *hifz al-din*, *hifz al-nafs*, *hifz al-'aql*, *hifz al-mal* dan *hifz al-nasl* diterjemahkan dalam konteks penggunaan media sosial.

Selain itu, kajian literatur dijalankan dengan merujuk pelbagai jurnal akademik, buku ilmiah, artikel penyelidikan, dan kajian-kajian terdahulu yang membincangkan aspek Maqasid al-Syariah, etika digital, perilaku pengguna media sosial, serta isu-isu seperti buli siber, fitnah, penyebaran maklumat palsu, dan penyalahgunaan kandungan. Analisis terhadap literatur ini



membantu mengenal pasti jurang kajian sedia ada, serta perbincangan ilmiah yang relevan dengan pembentukan kerangka etika berdasarkan Maqasid al-Syariah.

Sumber-sumber yang digunakan dipilih secara teliti untuk memastikan kesahihan dan ketepatan dengan objektif kajian. Keseluruhannya, pendekatan metodologi ini memberikan gambaran menyeluruh tentang bagaimana Maqasid al-Syariah dapat difahami dan diaplikasikan sebagai panduan etika yang relevan dan praktikal dalam era digital.

## Dapatan dan Perbincangan

### *Maqasid al-Syariah Sebagai Asas Etika Penggunaan Media Sosial*

Dalam meniti arus pemodenan ini, penggunaan media sosial kian terkenal dalam kalangan belia dengan rangkaiannya yang membawa manfaat seperti berhubung serta berkomunikasi secara atas talian melalui *TikTok*, *Instagram*, *WhatsApp*, *Facebook* dan sebagainya. Namun begitu, turut menimbulkan cabaran dalam etika penggunaan media sosial. Dalam konteks ini, prinsip Maqasid al-Syariah dapat dijadikan asas dalam menilai dan mengatur aktiviti digital agar selari dengan prinsip maslahat dan mengelakkan kemudaratannya.

Prinsip yang pertama adalah pemeliharaan agama (*hifz al-din*). Setiap pengguna media sosial mestilah bertanggungjawab dalam menjaga imej Islam melalui perkongsian dan komunikasi yang beradab serta berakhlak. Selain itu, rangkaian teknologi pada masa kini juga memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan agama Islam (Shaharizan & Zainol, 2024). Misalnya, pengguna media sosial seperti pempengaruh dan pendakwah boleh menyampaikan mesej dakwah kepada khalayak ramai terutamanya kepada golongan belia yang kian aktif di pelbagai platform media sosial (Sinar Harian, 2024; MAIS, n.d.). Di samping itu, media sosial perlulah digunakan dengan sebaiknya dalam menyebarkan maklumat yang tepat dan sahih di media sosial bagi menjaga kesucian agama serta mengelakkan fitnah yang boleh mencemarkan imej Islam (KPM, 2023; MAIS, 2024). Etika yang boleh diaplikasikan berdasarkan Maqasid al-Syariah adalah mengelakkan diri daripada menyebarkan kebencian, memperlekeh hukum Islam atau mengeluarkan kenyataan yang mencemar kesucian agama perlu dielakkan (Hamzah et. al., 2020). Prinsip ini mengingatkan bahawa media sosial bukan sahaja sebagai sebuah ruang bebas tanpa nilai, akan tetapi ia merupakan sebahagian daripada medan dakwah dan tanggungjawab moral umat Islam (Jamaludin et al., 2025).

Seterusnya, pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) menuntut agar individu menjaga kehormatan dan kesejahteraan diri serta orang lain. Dalam konteks media sosial, ia bermaksud menjauhkan diri daripada perbuatan buli siber, penghinaan, atau serangan peribadi yang boleh menjejaskan maruah seseorang (KPM, 2023). Selain itu, sebagai pengguna media sosial perlulah menjaga diri dan orang lain, mengelakkan perkataan yang boleh mencederakan emosi atau maruah orang lain serta memupuk sikap hormat dan beradab, yang selaras dengan matlamat Maqasid al-Syariah iaitu memelihara kehidupan manusia. Tambahan pula, setiap insan yang bernyawa tidak boleh dizalimi tanpa sebab yang dibenarkan oleh syariat (JAKIM, 2021; IKIM, 2018). Misalnya, jenayah buli siber akan menyebabkan mangsa mengalami tekanan emosi dan menjejaskan kesejahteraan mentalnya justeru membuatkan mangsa bertindak secara tidak waras dengan mencederakan dirinya sendiri. Perkara tersebut bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah tidak selaras dan bertentangan dengan ajaran Islam yang menjadi asas kehidupan bermasyarakat dalam Islam (Amboala et. al., 2015). Oleh itu, pemeliharaan nyawa ini sangat penting dalam konteks media sosial pada masa kini.



Perkara yang berikutnya ialah pemeliharaan akal (*hifz al-'aql*). Pemeliharaan akal menggesa pengguna agar berfikir secara rasional dan berhati-hati sebelum menyebarkan sebarang maklumat (KPM, 2023). Apabila akal digunakan dengan baik sudah pasti akan memberi impak yang positif terhadap emosi justeru menyumbang kepada keharmonian dan ketenteraman negara. Sebagai umat Islam, kita perlulah menjaga akal kerana akal adalah anugerah yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia (JAKIM, 2021). Penyebaran berita palsu dan fitnah menjejaskan integriti masyarakat dan bercanggah dengan tuntutan Islam untuk mencari kebenaran seperti dalam kes Zara Qairina. Rasulullah SAW mengingatkan bahawa seseorang dianggap berdosa apabila menyampaikan apa sahaja yang didengarnya tanpa meneliti kesahihan maklumat tersebut. Maka, semakin fakta wajar diterapkan bagi dijadikan amalan utama bagi pengguna belia Muslim (Zailan & Noordin, 2025). Oleh yang sedemikian, pengguna media sosial khususnya belia haruslah peka dan berwaspada atas setiap tindakan dan pertuturan. Sikap dan tutur kata yang baik mencerminkan keperibadian dan akhlak seorang muslim itu. (MAIS, 2024).

Di samping itu, pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasl*) menuntut semua pengguna media sosial agar menggunakan platform media sosial dengan cara yang betul serta menjauhi diri daripada berkongsi maklumat peribadi secara berlebihan di media sosial. Hal ini kerana perkara tersebut boleh mengakibatkan fitnah dan kerosakan reputasi seseorang, memandangkan ajaran Islam sangat mementingkan perlindungan dan pemeliharaan nasab dan keturunan (Baidhawiy, n.d). Selain itu, pengguna Muslim khususnya perlulah mengekalkan kesopanan, menjaga aurat, dan memelihara identiti Islam dalam setiap bentuk interaksi digital (Jamaludin et al., 2025). Akhir sekali, pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) melibatkan pemeliharaan terhadap data peribadi, hak cipta, dan keselamatan kewangan digital. Selain itu, pemeliharaan harta membawa maksud menjaga harta daripada berlaku kes kecurian, penyelewengan, atau penggunaan dengan cara yang tidak halal (Zailani et al., 2022). Melalui prinsip ini, pengguna diingatkan agar berwaspada dengan penipuan yang berlaku atas talian, pencurian identiti dan sebarang jenayah atas talian. Pemeliharaan hak milik digital merupakan salah satu daripada prinsip menjaga harta dalam Islam dan pada masa kini ia telah menjadi elemen penting dalam etika teknologi moden.

### ***Kerangka Etika Penggunaan Media Sosial***

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan media sosial dalam kalangan belia masih memerlukan penelitian terhadap etika secara menyeluruh justeru melalui prinsip Maqasid al-Syariah. Dari perspektif pengguna, pengguna perlulah mengamalkan konsep *tabayyun* iaitu menyelidik, menilai dan mengesahkan sesuatu maklumat terlebih dahulu sebelum menerima atau menyebarkannya (Meerangani et al., 2025; Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019; Salleh et al., 2024). Hal ini bertujuan bagi memastikan setiap berita atau maklumat yang akan dikongsi itu adalah daripada sumber yang sahih dan membawa manfaat kepada pengguna media sosial yang lain (MAIS, 2024; KKM, 2025). Tambahan pula, maklumat yang dikongsi tersebut mestilah tidak disalahguna, tidak mempunyai sebarang unsur fitnah dan tidak memudaratkan keselamatan orang lain (KKM, 2025; Salleh et al., 2024). Pengguna juga perlu mengelakkan diri daripada memuat naik kandungan yang boleh merosakkan maruah diri dan keluarga seperti pendedahan maklumat peribadi secara berlebihan, gambar yang tidak sopan atau hubungan dalam talian yang membawa kepada kemudaratkan pengguna tersebut (Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, 2021). Secara keseluruhan, konsep *tabayyun* membantu pengguna media sosial terutamanya dari kalangan belia memainkan peranan utama dalam menjaga kesejahteraan ruang digital yang selari dengan piawaian syariah.



Dari perspektif etika terhadap kerajaan, usaha menentukan had umur minimum dalam penggunaan media sosial seperti cadangan melarang akses penuh kepada pengguna bawah 18 tahun antara salah satu langkah penting yang boleh dilakukan oleh badan-badan kerajaan bagi memelihara keselamatan digital golongan muda. Terdapat laporan yang menunjukkan bahawa pendedahan awal terhadap media sosial tanpa pemantauan boleh meningkatkan risiko gangguan mental, buli siber serta eksploitasi dalam talian (UNICEF Malaysia, 2015). Oleh itu, penerapan dasar umur minimum yang lebih ketat ini dilihat sebagai satu mekanisme pencegahan yang menepati prinsip penjagaan akal dan keturunan dalam Maqasid al-Syariah. Selain itu, etika berkaitan penggunaan media sosial berkait rapat dengan usaha dalam mengekalkan ruang digital agar selamat, harmoni dan bebas daripada penyalahgunaan. Walaupun Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus untuk mengawal selia media sosial secara komprehensif, kerajaan menggunakan pelbagai undang-undang sedia ada seperti Akta Komunikasi dan Multimedia, Akta Jenayah Komputer, Akta Perlindungan Data Peribadi dan lain-lain untuk mengambil tindakan terhadap salah laku dalam talian. Peruntukan undang-undang tersebut menyediakan garis panduan etika yang menentukan had tingkah laku pengguna (Mohd Hamizi et al., 2023).


Dengan adanya dasar kawal selia tersebut, kerajaan dapat memastikan ruang digital yang lebih selamat, teratur dan bebas daripada segala bentuk ancaman yang boleh menjejaskan kesejahteraan generasi muda. Tambahan pula, berdasarkan kajian Pitchan et al. (2019) didapati bahawa salah satu sebab utama adanya had umur dalam penggunaan media sosial ini adalah untuk melindungi kanak-kanak daripada jenayah siber seperti gangguan seksual. Oleh kerana ia memberikan asas undang-undang kepada kerajaan untuk mewujudkan persekitaran digital yang lebih selamat untuk belia, maka penetapan had umur bersama-sama dengan sistem pengesahan identiti kedua-duanya dianggap sebagai beretika.

Di samping peranan pengguna dan kerajaan, platform media sosial seperti *TikTok*, *Instagram*, *WhatsApp* dan *YouTube* juga berperanan penting dalam melaksanakan sistem sekatan yang lebih mantap dan lebih selamat terhadap akses kandungan serta aktiviti yang boleh memudaratkan pengguna, khususnya golongan belia (Mohd Hamizi et al., 2023). Sebagai contoh, *TikTok* telah menetapkan bahawa kanak-kanak berusia bawah 13 tahun dilarang membuka akaun sendiri, manakala bagi pengguna bawah umur 16 tahun, akaun mereka secara automatik dikategorikan sebagai akaun peribadi dalam prinsip "*Safety by Design*". Selain itu, laman ini juga turut memperkenalkan mod "*Family Pairing*," di mana ibu bapa boleh memaut akaun mereka kepada akaun remaja bagi memantau masa skrin mereka dan menetapkan had masa penggunaan melalui "*Screen Time Dashboard*" (Bernama, 2025). Begitu juga aplikasi *YouTube*, yang menyediakan *YouTube Kids* dengan kawalan ibu bapa, yang adanya sasaran had umur, penapisan kandungan automatik dan sekatan terhadap video berunsur lucah atau keganasan (UNICEF Malaysia, 2015).

Sementara itu, Instagram telah memperkenalkan dasar baharu bagi akaun remaja yang dinamakan sebagai "*Teen Accounts*" di mana pengguna di bawah 18 tahun secara automatiknya akan diberi tetapan kandungan yang berstatus PG-13. Kandungan yang boleh dipaparkan termasuk bahan yang selari dengan filem berstatus PG-13, manakala kandungan yang melibatkan keganasan dan mempunyai unsur tidak beretika akan disekat atau tidak lagi disyorkan (AstroAwani, n.d). *WhatsApp* pula menetapkan had umur minimum serta ciri sekatan privasi tambahan seperti pengehad pembacaan status, pilihan sekatan mesej daripada pengguna tidak dikenali dan perlindungan "*end-to-end encryption*" bagi mengurangkan risiko penipuan serta eksploitasi (AstroAwani, n.d). Tambahan pula, aplikasi *dating* seperti *Tinder* atau *Omi* juga perlu mengambil langkah etika tambahan, khususnya dari sudut keselamatan dan nilai sosial.



Berdasarkan analisis oleh Daniel Adam et al. (2020), aplikasi *dating* ini boleh memberi ruang positif contohnya kepada individu pemalu untuk mencari kenalan dan potensi jodoh. Namun begitu, ia juga membuka ruang negatif yang besar apabila penggunaan tanpa kawalan boleh mengundang kepada risiko serius seperti pergaulan bebas, jenayah fizikal atau siber, serta keretakan rumah tangga. Usaha bersama ini secara tidak langsung dapat mewujudkan persekitaran media sosial yang lebih sihat, lebih selamat dan sejahtera serta selari dengan keselamatan komuniti digital.



Rajah 1.0 Kerangka Etika Penggunaan Media Sosial

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa Maqasid al-Syariah merupakan kerangka nilai yang komprehensif bagi membentuk etika penggunaan media sosial dalam kalangan belia. Lima objektif utama Maqasid al-Syariah memberi panduan jelas dalam menjaga agama (*hifz al-din*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga akal (*hifz al-'aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasl*) dan menjaga harta (*hifz al-mal*) agar penggunaan media sosial tidak terlibat dalam penyebaran maklumat palsu, ketagihan media sosial, buli siber dan penyalahgunaan data. Membangunkan kesedaran etika digital yang berasaskan maqasid boleh membawa kepada perilaku yang lebih beradab, berakhlak dan bertanggungjawab dalam setiap peranti digital. Perkara tersebut akan mewujudkan masyarakat yang seimbang dan beretika di alam maya yang kian berleluasa ini.

Maqasid al-Syariah berfungsi sebagai panduan moral yang berguna untuk membimbing masyarakat secepat dalam menghadapi pelbagai jenis interaksi dalam talian di era digital yang terbuka dan mencabar ini. Jika nilai Maqasid al-Syariah ini dimasukkan ke dalam pendidikan, dasar dan budaya media sosial, kita akan melahirkan generasi belia muslim mahupun bukan muslim yang pandai menggunakan teknologi, berakhlak mulia serta mempunyai keperibadian yang baik. Maqasid al-Syariah bukan sahaja berkaitan dengan bidang hukum tetapi juga berfungsi



sebagai asas penting untuk membina kerangka etika penggunaan media sosial yang mengimbangi tuntutan agama dan keperluan dunia moden justeru memberi impak positif kepada golongan belia.

## Rujukan

- Adam, M. A. H., Sufian, M. S., Razali, M. R., Mohamad Paisal, M. A., & Rosidi, M. H. (2025). A Maqasid al-Shariah analysis of mandatory pre-marital screening for STDs and fertility among Malaysian couples. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 441–447.
- Al-Ghazali, A. H. (1997/1418H). *al-Mustasfa min Cllm al-Usul*. tahq. al-Ashqar, Muhammad Sulayman. Bayrut: Al-Risalah.
- Al-Shatibī, I. (2004). *Al-Muwafaqat fĀ Usūl al-Sharī'ah* ('Abdullah Al-Darraz, Ed.), Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Amboala, T., Mokhtar, A. H. A., Muhammad, M. Z., & Muhamad, N. H. N. (2015). Undang-undang siber dari perspektif Islam. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)*, 72(1).
- Astro Awani. (n.d). Instagram akan papar kandungan berstatus PG-13 sahaja kepada pemegang Teen Account <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/instagram-akan-papar-kandungan-berstatus-pg13-sahaja-kepada-pemegang-teen-account-543014>
- Astro Awani. (n.d). WhatsApp perkenal ciri mengesan scam dan skim piramid. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/whatsapp-perkenal-ciri-mengesan-scam-dan-skim-piramid-532912>
- Azzahra, S. (2024). Budaya Pop Dan Transformasi Identitas Muslim: Pendekatan Kualitatif. *RISOMA: Jurnal Riset Sosial Humaniora dan Pendidikan*, 2(6), 186-203.
- Bernama. (2023). Kkd Sekat Platform Media Sosial Rosak Moral Masyarakat Secara Berterusan – Fahmi. *Bernama*. <https://bernama.com/bm/news.php?id=2253213>
- Bernama. (2025). TikTok, Content Forum Dan MCMC Lancar Panduan Ibu Bapa Bagi Kesejahteraan Digital Remaja. *Bernama*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2493360>
- Daniel Adam, N. Q., Mohd Rashidan, R., Che Rahim, M. A. L., Ar Azman, A., Mohamad Shukor, F. I., & Mohd Fadzil, A. F. (2020). *The use of dating apps in Malaysia*. *e-Journal of Media and Society (e-JOMS)*, 5.
- Floridi, L., & Taddeo, M. (2016). What is data ethics? *Philosophical Transactions of the Royal Society a Mathematical Physical and Engineering Sciences*, 374(2083), 20160360.
- Hamzah, S., Ani, F., Rameli, N., Nor, N. M., Halim, H., Rahman, R., ... & Kamri, K. A. (2020). Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55-63.
- Harian Metro. (2025). Media sosial punca utama kesan negatif emosi remaja. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1275994/media-sosial-punca-utama-kesan-negatif-emosi-remaja>
- Ibn 'Ashur, M. A. T. (1998). *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*, ed., al-Misawi, Muhammad al-Tahir, al-Basa'ir, Kuala Lumpur.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2017). *Menunaikan prinsip Maqasid al-Shariah*. <https://www.ikim.gov.my/menunaikan-prinsip-maqasid-al-syariah/>



- Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2018). *Maqasid Syariah: Keperluan zaman, cabaran semasa*. <https://www.ikim.gov.my/maqasid-syariah-keperluan-zaman-cabaran-semasa/>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). *Huraian aplikasi lima (5) prinsip Maqasid Syariah dalam tadbir urus*. [https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah-huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tadbir-urus](https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tadbir-urus)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2021). *Tiga Kategori Masalah (Kebaikan)*. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/tiga-kategori-masalah-kebaikan>
- Jamaludin, M. A., Rosli, N. L. I., & Ibrahim, M. I. (2025). Islamic Media Algorithms and Halal Perception in Malaysia. *Journal of Halal Science and Management Research*, 1(1), 170–178.
- Keles, B., McCrae, N., & Grealish, A. (2020). A systematic review: the influence of social media on depression, anxiety and psychological distress in adolescents. *International journal of adolescence and youth*, 25(1), 79-93.
- Kementerian Komunikasi Malaysia (KKM). (2025). *Guna Internet, media sosial secara beretika – KPE Bernama*. Komunikasi.gov.my. <https://www.komunikasi.gov.my/awam/berita/27615-guna-internet-media-sosial-secara-beretika-kpe-bernama>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2023). *Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 11 Tahun 2023: Garis Panduan Nilai dan Etika Penggunaan Media Sosial KPM*. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/spi-kpm-bil-11-tahun-2023-garis-panduan-nilai-dan-etika-penggunaan-media-sosial-kpm>
- Livingstone, S. (2014) Developing social media literacy: How children learn to interpret risky opportunities on social network sites. *Communications. The European Journal of Communication Research*, 39(3): 283-303.
- Ma'hat, M. H. H., & Yusoff, M. Z. (2024). Hubungan antara Impak Penggunaan Media Sosial dalam Aktiviti Pembelajaran dan Prestasi Pelajar dalam kalangan Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Research in Management of Technology and Business*, 5(1), 460-472.
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2024). Pentingnya adab di media sosial. <https://mais.gov.my/e-edisi/pentingnya-adab-di-media-sosial/>
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (n.d.). Sisi gelap media sosial. <https://main.mais.gov.my/sisi-gelap-media-sosial/>
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (n.d.). Waspada ancaman media sosial. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus>
- Mardi, I. I., Bahrum, S. N. S. B., Zaih, A. S. A., Ismail, F. A., Efandi, A. A. M., & Azman, M. L. N. (2024). Etika dan Adab Islam dalam Penggunaan Media Sosial: Cabaran dan Implikasi Kontemporari. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 7(1), 118-127.
- Maruan, M. H., Mohd Fauzi, F., Mohd Yusof, N. F. E., Salihuddin, A. S. & Rosidi, M. H. (2025). Addressing unregistered marriages in Malaysia: A Maqasid al-Shariah approach to legal challenges and women's protection. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, IX(VI), 6104-6113.
- Meerangani, K. A., Nor, M. R. M., Hamid, M. F. A., Yusof, M. A. M., & Ariffin, M. F. M. (2025). Digital Tabayyun: Integrating the Quran and Artificial Intelligence in Filtering Social Media Information. *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, 17(2), 370-389.
- Megat Danuwa, M. M., Mohamad Dom, M. H. H., Ahmad Fuad A. A. Z. & Rosidi, M. H. (2025). Assessing the legality of heterosexual marriage among LGBT individuals: An analysis



- from the perspective of Maqasid al-Shariah. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, IX(VII), 1797–1809.
- Mohd Asnan, A. Z., Suffian, N. A. S. N., Badaruddin, S. A., Mohd Fazlee, N. A., & Rosidi, M. H. (2025). Religious deviation and the crisis of marital authority in media: A Maqasid al-Shariah and Fiqh al-Munakahat analysis of the drama *Bidaah*. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 1783–1796.
- Mohd Azam, M. D. I., Ahmad, M. I. A., & Rosidi, M. H. (2025). The disclosure of a spouse's disgrace before and after divorce: A Maqasid al-Shariah-based legal analysis of the 'spill the tea' and 'exposing ex' phenomenon. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(6), 5200–5206.
- Mohd Azamuddin, H. B., Che Zulkifli, C. A. S., Ismail, N. S. S., Mohd Raffe, N. I., & Rosidi, M. H. (2025). Uterine transplantation in Islamic jurisprudence: Balancing medical needs and Shariah boundaries. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(6), 4219–4226.
- Mohd Hamizi, M. A. F., & Hamzah, I. S. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 24-37.
- Mohd Noor, N.A., Abd Aziz, A.S., & Ahmad, R. (2024). Penyalahgunaan Media Sosial: Kerangka Institusi Dan Undang-Undang Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 5(18).
- Mokhlis, S. (2019). Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Penerokaan Awal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(2), 7-18.
- Noor Zainan, N. I., Ismail, M. K. A., & Mat Jusoh, N. A. (2021). Impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar: Satu tinjauan awal.
- NorizanNizan, M. N. I., Mohd Shaiful Nizam, M. A., Rosli, A. I. A., & Rosidi, M. H. (2025). USIM's legal clinic and divorce casework: A Maqasid al-Shariah-based socio-legal study. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 1232–1241.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Bayan Linnas Siri ke 184: Tabayyun dalam penerimaan dan penyampaian berita. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3485-bayan-linnas-siri-ke-184-tabayyun-dalam-penerimaan-dan-penyampaian-berita>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Irsyad Usul al-Fiqh Siri ke- 33: Pendahuluan kepada Ilmu Maqasid Syariah. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/3099-irsyad-usul-al-fiqh-33-pendahuluan-kepada-ilmu-maqasid-syariah>
- Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. (2021). Etika penggunaan internet & media sosial Perlis. Kerajaan Negeri Perlis. <https://www.perlis.gov.my/phocadownload/penerbitan/2021%20-%20ETIKA%20MEDIA%20SOSIAL%20PERLIS.pdf>
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia. (2015). *Berbincang tentang Internet dengan anak-anak anda*. <https://www.unicef.org/malaysia/media/596/file/Berbincang%20tentang%20internet%20dengan%20anak-anak%20anda.pdf>
- Pitchan, M. A., Omar, S. Z., & Ghazali, A. H. A. (2019). Amalan keselamatan siber pengguna Internet terhadap buli siber, pornografi, e-mel phishing dan pembelian dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(3), 212-227.



- Rasool, M. S. A., Yusof, M. A. M., & Ali, S. M. (2020). Wellbeing of the society: A Maqasid al-Shari'ah approach. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 25-46.
- Rosidi, M. H. (2024). Facilitating Access to Art and Pre-exposure Prophylaxis for LGBTQ Individuals in Combating HIV in Malaysia: An Analysis from a Shariah Perspective. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, VIII(VIII), 4191-4202.
- Rosidi, M. H., Ismail, A. M., & Mokhtar, A. W. (2025). Analisis Pelaksanaan ART Dan PrEP Dalam Membendung HIV: Perspektif Syariah: Analysing the Implementation of ART and PrEP in Combatting HIV: A Shariah Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, (1), 174-198.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Majid, M. N. A. (2022). Penggunaan Media Dalam Talian Menurut Perspektif Maqāsid Al-Shari 'Ah: The Use of Online Media in The Perspective of Maqāsid Al-Shari 'ah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(3), 78-105.
- Roslan, M. H., Zafrina, S., Zahari, M., Zulkifli, M., & Ghani, A. (2025). Da'wah on the Social Media: The Youth Engagement in Digital Islamic Content. *International Journal Of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, IX (2454), 1161-1172.
- Rosli, N. S., Hishamuddin, N. A., & Rosidi, M. H. (2025). Balancing jealousy and privacy in Islamic marital jurisprudence: Insights through the lens of Maqasid al-Shariah. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 793-800.
- Salleh, N. S., Rahim, N. A. I., Azmi, N. A. S., & Hassan, S. N. S. (2024). Tabayyun: Adab dan etika dalam penyebaran ilmu di media sosial. In E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara 5, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia (pp. 90-102). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Shaharizan, A. A. B., & Zainol, N. Z. N. (2024). Analisis Penggunaan Platform Sosial Media Bagi Penyebaran Ilmu Islam: Kajian Kes: Analysis of the Use of Social Media Platforms for the Spreading of Islamic Knowledge: Case Studies. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 5(2), 38-46.
- Shamsuddin, M. M. J. (2024). Islamic Rulings and Guidelines for Social Media Influencers: Maqasid Shariah Point of View: Hukum dan Garis Panduan Islam Bagi Pempengaruh Media Sosial: Pandangan Maqasid Shariah. *Sains Insani*, 9(2), 417-428.
- Sinar Harian. (2024). Dakwah di media sosial jentik hati anak muda. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/693872/suara-sinar/analisis-sinar/dakwah-di-media-sosial-jentik-hati-anak-muda>
- Sinar Harian. (2025). Perlukah ditetapkan had umur guna media sosial bagi kanak-kanak? *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/731112/berita/nasional/perlukah-ditetapkan-had-umur-guna-media-sosial-bagi-kanak-kanak>
- Wei, I. E. S., Lin, H. S., Pang, L. K., Ching, B. L. J., Zu, C. X., & Kang, N. W. (2023). Pengaruh media sosial terhadap pembentukan akhlak mahasiswa. *Human Sustainability Procedia*, 3(1), 106-121.
- Zailan, S. N. S., & Noordin, M. F. (2025). The study of social media contribution to knowledge sharing in Maqasid Al-Shariah. *International Journal on Perceptive and Cognitive Computing*, 11(2), 126-138.
- Zailani, M. N., Mohd Satar, N., & Zakaria, R. H. (2022). A Review of Indicators for the Preservation of Wealth (Hifz al-Mal) based on Maqasid al-Shariah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 4(1), 23-29.



# AL-MAQĀSID

INTERNATIONAL JOURNAL OF MAQĀSID STUDIES & ADVANCED ISLAMIC RESEARCH

**E-ISSN: 2735-1149, Vol. 6, No. 1, 2025, pp. 107-121**

*\*Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on Al-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. Al-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.*